

# **Pharmacy Information System (PhIS) dan Clinic Pharmacy System (CPS)**

---

**GARIS PANDUAN TUNTUTAN PENALTI  
*SERVICE LEVEL AGREEMENT (SLA)* DAN *SERVICE  
LEVEL GUARANTEE (SLG)* BAGI SISTEM PhIS DAN  
CPS DI BAWAH PERJANJIAN KONSESI  
PENSWASTAAN MAKMAL UBAT DAN STOR  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

VERSI 1.2

| ISI KANDUNGAN |                                                                                                                                                   |            |
|---------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| Bil.          | Perkara                                                                                                                                           | Muka Surat |
| 1.            | Objektif                                                                                                                                          | 1          |
| 2.            | Pengenalan                                                                                                                                        | 1-2        |
| 3.            | Garis Panduan Mekanisme Tuntutan Penalti Mengikut SLA PhIS Dan CPS                                                                                |            |
| 3.1           | <i>Service Level Agreement</i> (SLA)                                                                                                              | 3          |
| 3.1.1         | Definasi                                                                                                                                          | 3-4        |
| 3.2           | <i>Service Level Agreement</i> (SLA) mengikut pecahan kerja-kerja penyelenggaraan                                                                 | 5          |
| 3.3           | Tahap kerosakan aplikasi mengikut modul – Hospital, Klinik Kesihatan, PKD, CFLN dan PFB.                                                          | 6          |
| 3.4           | Syarat-syarat <i>Service Level Agreement</i> (SLA)                                                                                                | 6-7        |
| 3.5           | Pengecualian Penalti bagi SLA PhIS/CPS                                                                                                            | 7-8        |
| 3.6           | Tuntutan Penalti bagi SLA PhIS/CPS (rujukan fasiliti sahaja)                                                                                      | 8-18       |
| 3.6.1         | Tanggungjawab PLSB                                                                                                                                | 8-9        |
| 3.6.2         | Tanggungjawab Fasiliti                                                                                                                            | 9-11       |
| 3.6.3         | Mekanisme pemantauan SLA ( <i>Sistem Connect Manage</i> )                                                                                         | 12-13      |
| 3.6.4         | Mekanisme pemantauan SLA (Buku Log Isu PhIS/CPS di Fasiliti)                                                                                      | 14         |
| 3.6.5         | Perkhidmatan,petunjuk prestasi dan kaedah tuntutan serta pengiraan penalti bagi masalah ICT dan perkakasan rangkaian                              | 15         |
| 3.6.6         | Perkhidmatan,petunjuk prestasi dan kaedah tuntutan serta pengiraan penalti bagi masalah Aplikasi PhIS/CPS                                         | 16         |
| 3.6.7         | Proses kerja pengesahan tuntutan penalti SLA                                                                                                      | 17         |
| 3.6.8         | Carta Alir proses kerja pengesahan tuntutan penalti SLA                                                                                           | 18         |
| 3.7           | Tuntutan Penalti bagi SLA PhIS (rujukan Jawatankuasa SLA dan SLG )                                                                                | 19-31      |
| 3.7.1         | Perkhidmatan,petunjuk prestasi dan kaedah tuntutan serta pengiraan penalti bagi masalah ICT dan perkakasan rangkaian                              | 19-25      |
| 3.7.2         | Perkhidmatan,petunjuk prestasi dan kaedah tuntutan serta pengiraan penalti bagi masalah Aplikasi PhIS/CPS                                         | 26-28      |
| 3.7.3         | Proses kerja pengesahan tuntutan penalti SLA                                                                                                      | 29-30      |
| 3.7.4         | Carta Alir proses kerja pengesahan tuntutan penalti SLA                                                                                           | 31         |
| 4.            | Garis Panduan Mekanisme Tuntutan Penalti Mengikut SLG Sistem PhIS Dan CPS Bagi Rujukan Jawatankuasa SLA dan SLG Serta Pasukan Projek PhIS dan CPS |            |
| 4.1           | <i>Service Level Guarantee</i> (SLG)                                                                                                              | 32         |
| 4.1.1         | Definasi                                                                                                                                          | 32         |
| 4.1.2         | Rebat Tahap Perkhidmatan ( <i>Service Level Rebate</i> )                                                                                          | 32         |
| 4.2           | Pengecualian Penalti bagi SLG PhIS.                                                                                                               | 33         |
| 4.3           | Parameter tahap perkhidmatan ( <i>Service Level Parameter</i> )                                                                                   | 33         |
| 4.4           | Tuntutan Penalti bagi SLG PhIS                                                                                                                    | 34-37      |
| 4.4.1         | Perkhidmatan,petunjuk prestasi dan kaedah tuntutan serta pengiraan penalti                                                                        | 34         |
| 4.4.2         | Proses kerja pengesahan tuntutan penalti SLG                                                                                                      | 35-36      |
| 4.4.3         | Carta alir proses kerja pengesahan tuntutan penalti SLG                                                                                           | 37         |

|    |                                                                                 |       |
|----|---------------------------------------------------------------------------------|-------|
| 5. | Ringkasan                                                                       | 38    |
| 6. | Lampiran 1: <i>PhIS &amp; CPS Helpdesk and Maintenance Services Version 1.6</i> | 39-45 |
|    | Lampiran 2: <i>Field Service Report (FSR)</i>                                   | 46-47 |
|    | Lampiran 3: Laporan Bulanan SLA                                                 | 48-53 |
|    | Lampiran 4: Borang Pengesahan Laporan Bulanan SLA                               | 54-56 |
|    | Lampiran 5: Manual Pengguna – Pengesahan SLA secara Online                      | 57-69 |

# **GARIS PANDUAN TUNTUTAN PENALTI MENGIKUT *SERVICE LEVEL AGREEMENT* (SLA) DAN *SERVICE LEVEL GUARANTEE* (SLG) BAGI PHARMACY INFORMATION SYSTEM (PhIS) DAN CLINIC PHARMACY SYSTEM (CPS) DI BAWAH PERJANJIAN KONSESI PENSWASTAAN MAKMAL UBAT DAN STOR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

## **1. OBJEKTIF**

Dokumen ini bertujuan menyediakan garis panduan dan rujukan kepada Hospital, Pejabat Kesihatan, Klinik Kesihatan, Institusi Kesihatan dan semua fasiliti di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang menggunakan sistem PhIS dan CPS mengenai mekanisme tuntutan penalti kepada PLSB di atas ketidakpatuhan kepada perkara yang ditetapkan dalam Appendix 21 dan 26 Dokumen Perjanjian Konsesi Penswastaan Makmal Ubat Dan Stor KKM.

Garis panduan ini juga sebagai rujukan kepada Jawatankuasa SLA dan SLG Projek PhIS dan CPS serta Pasukan Projek PhIS dan CPS mengenai mekanisme tuntutan penalti kepada Pharmaniaga Logistics Sdn. Bhd. (PLSB) di atas ketidakpatuhan yang ditetapkan dalam *Appendix 21* dan *26*.

Memastikan kefahaman dan keseragaman mekanisme tuntutan penalti bagi *SLA* dan *SLG* di fasiliti yang menggunakan sistem PhIS dan CPS.

## **2. PENGENALAN**

2.1 Perjanjian Konsesi Penswastaan Makmal Ubat dan Stor telah ditandatangani oleh Kerajaan dan PLSB pada 16 Mac 2011. Tempoh Perjanjian adalah selama 10 tahun bermula pada 1 Disember 2009 sehingga 30 November 2019.

2.2 Di bawah perjanjian ini, PLSB dikehendaki mengkaji, merancang, mereka bentuk, membekal, menginstalasi, mengkonfigurasi, menguji dan mentauliah 12 modul *PhIS* dan 10 modul *CPS* dan memastikan sistem berfungsi dan beroperasi sepenuhnya di semua fasiliti yang melaksanakan PhIS dan CPS seperti yang dinyatakan di dalam klausa 24.

2.3 PLSB juga bertanggungjawab mereka bentuk, membekal, memasang, mengkonfigurasi, menguji, mentauliah dan menyelenggara semua perkakasan, perisian dan peralatan rangkaian yang dibekalkan ke semua fasiliti yang melaksanakan PhIS dan CPS.

2.4 PLSB perlu menyediakan perkhidmatan sokongan operasi dan penyelenggaraan sepanjang tempoh konsesi dan obligasi yang perlu dipatuhi oleh PLSB adalah seperti berikut :-

- (i) Klausa 27 iaitu PLSB menjamin bahawa kebolehsediaan (*availability*) PhIS dan CPS hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam *Service Level Guarantee* (SLG) seperti yang dinyatakan dalam *Appendix 21*.

(ii) Klausula 44.6 iaitu PLSB perlu mematuhi perjanjian tahap perkhidmatan *Helpdesk* bagi pelaksanaan PhIS atau CPS seperti yang dinyatakan dalam *Appendix 25* dan penyelenggaraan seperti yang dinyatakan dalam *Appendix 26*.

\*\* Nota: Pengiraan penalti ini akan berkuatkuasa pada:

- Tarikh *Final Acceptance Test* (FAT) bagi fasiliti dalam fasa *pilot*.
- Tarikh *declaration Go-live* PhIS bagi fasiliti dalam peluasan PhIS.

### 3. GARIS PANDUAN MEKANISME TUNTUTAN PENALTI MENGIKUT SLA PHIS DAN CPS

Garis panduan ini mengandungi perkara-perkara berikut :-

- i. *Service Level Agreement* (SLA)
- ii. *Service Level Guarantee* (SLG)
- iii. Mekanisme pemantauan SLA dan SLG (*Sistem Connect Manage*)
- iv. Mekanisme pemantauan SLA dan SLG (Buku log Isu PHIS di fasiliti)
- v. Kaedah Tuntutan Penalti
- vi. Proses Kerja Dan Carta Alir

Selaras dengan perjanjian konsesi, petunjuk prestasi perkhidmatan, kaedah tuntutan, kaedah pengiraan penalti, proses kerja dan carta alir yang terlibat dalam mekanisme tuntutan penalti mengikut *Service Level Agreement* (SLA) sistem PHIS dan CPS adalah diperincikan seperti berikut:

#### 3.1 *Service Level Agreement* (SLA)

##### 3.1.1 Definasi

SLA merupakan perjanjian di antara pembekal perkhidmatan (PLSB) dan pengguna perkhidmatan (KKM) bagi memastikan pembekal perkhidmatan menyediakan perkhidmatan berdasarkan tahap yang telah ditetapkan seperti yang ditetapkan dalam Appendix 26 Dokumen Perjanjian Konsesi.

Pembekal perkhidmatan (PLSB) dan pengguna perkhidmatan (KKM) hendaklah memahami kepentingan SLA bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang ditetapkan disampaikan dengan berkesan dan prosesnya difahami. PLSB hendaklah memastikan penanda aras SLA dipenuhi mengikut keperluan operasi KKM seperti berikut:

- (i) ***Initial Response Time* (IRT)** – IRT merujuk kepada jangka masa yang harus dipatuhi oleh pihak *Helpdesk*. Dalam tempoh ini, pihak *Helpdesk* harus mengenal pasti masalah (*First Level Troubleshooting*), merekodkan laporan ke dalam sistem *Connect Manage* beserta temujanji bagi *support team* PLSB datang ke fasiliti (berdasarkan kes - *onsite*).

Tempoh masa: 30 Minit / 1 Jam

IRT bermula daripada laporan kerosakan direkodkan oleh *Helpdesk* dalam sistem *Connect Manage* dan berakhir selepas tempoh 30 Minit/1 jam.

Jika terdapat maklumat yang tidak mencukupi, maka masa menunggu maklumat ini akan dianggap sebagai "*Exclusion Time*".  
(Sila rujuk perenggan 3.6.2)

- (ii) **Onsite Response Time (ORT)** – ORT merujuk kepada jangkamasa yang perlu dipatuhi oleh *support team* PLSB. Dalam tempoh ini, *support team* PLSB dikehendaki menghadirkan diri di fasiliti sebelum atau pada masa temujanji yang dibuat.

Bagi kes yang tidak memerlukan *onsite*, PLSB dikira memenuhi ORT sekiranya menyediakan *remote support* ke fasiliti dalam tempoh ORT. (*remote support* merupakan salah satu kaedah *troubleshooting* oleh pihak PLSB).

Tempoh masa: 4 / 6 Jam

ORT bermula selepas tamat tempoh *Initial Response Time* (IRT) dan berakhir pada waktu temujanji. Bagi kes *remote access*, ORT berakhir selepas tempoh 4/6 Jam.


- (iii) **Problem Resolution Time (PRT)** – PRT merujuk kepada jangkamasa yang perlu dipatuhi oleh *support team* PLSB. Dalam tempoh ini, Pasukan Sokongan PLSB dikehendaki menyelesaikan isu sehingga kes diselesaikan.

Bagi kes yang tidak memerlukan *onsite*, PLSB memenuhi PRT sekiranya isu dapat diselesaikan di dalam tempoh PRT.

Tempoh masa: 8 / 10 Jam

PRT bermula selepas tamat tempoh *On-Site Response Time* (ORT) dan berakhir pada tempoh kes diselesaikan.

- (iv) **Pengiraan Service Level Agreement (SLA)**



**Expected closure = IRT + ORT + PRT**

Contoh:

SLA 1 : 30 minit (IRT) + 4 jam (ORT) + 8 jam (PRT) = 12.5 jam

SLA 2 : 1 jam (IRT) + 6 jam (ORT) + 10 jam (PRT) = 17 jam

SLA 3 : 1 jam (IRT) + 6 jam (ORT) + 10 jam (PRT) = 17 jam

\*\* Situasi dengan temujanji :

**Expected closure = IRT + Tempoh waktu temujanji (ORT) + PRT**

### 3.2 Service Level Agreement (SLA) mengikut pecahan kerja-kerja penyelenggaraan

| Jenis Penyelenggaraan        | Tahap Rosak | Kategori                                                                                                                                                              | IRT    | ORT *selepas tamat tempoh IRT | Penalti selepas ORT           | PRT *selepas tamat tempoh ORT | Penalti selepas PRT           |
|------------------------------|-------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------|-------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|
| ICT Perkakasan dan Rangkaian | 1           | Kerosakan berlaku kepada perkakasan server dan rangkaian hospital / klinik kesihatan yang menyebabkan sistem PhIS / CPS tidak beroperasi sepenuhnya.                  | 30 Min | 2-4 Jam                       | RM 300 setiap jam selepas ORT | 5-8 Jam                       | RM 300 setiap jam selepas PRT |
|                              | 2           | Kerosakan berlaku kepada perkakasan server dan rangkaian hospital / klinik kesihatan yang hanya menyebabkan gangguan kepada operasi rangkaian atau sistem PhIS / CPS. | 1 Jam  | 4-6 Jam                       | RM 200 setiap jam selepas ORT | 6-10 Jam                      | RM 200 setiap jam selepas PRT |
|                              | 3           | Kerosakan berlaku ke atas peralatan ICT seperti <i>notebook</i> , komputer, pencetak dan pengimbas <i>barcode</i>                                                     | 1 Jam  | 4-6 Jam                       | RM 100 setiap jam selepas ORT | 6-10 Jam                      | RM 100 setiap jam selepas PRT |

| Jenis Penyelenggaraan | Tahap Rosak | Kategori                                                                                                                                           | IRT    | ORT *selepas tamat tempoh IRT | Penalti selepas ORT           | PRT *selepas tamat tempoh ORT | Penalti selepas PRT               |
|-----------------------|-------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------|-------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|-----------------------------------|
| Aplikasi PhIS dan CPS | 1           | Kerosakan yang berlaku kepada sistem PhIS / CPS di hospital / klinik kesihatan yang telah menyebabkan sistem tidak beroperasi sepenuhnya.          | 30 Min | 2-4 Jam                       | RM 300 setiap jam selepas ORT | 5-8 Jam                       | RM 300 setiap jam selepas PRT     |
|                       | 2           | Kerosakan kepada sistem PhIS / CPS di hospital / klinik kesihatan yang hanya menyebabkan gangguan kepada operasi rangkaian atau sistem PhIS / CPS. | 1 Jam  | 4-6 Jam                       | RM 200 setiap jam selepas ORT | 6-10 Jam                      | RM 200 setiap jam selepas PRTPhIS |

3.3 Tahap kerosakan aplikasi mengikut modul – Hospital, Klinik Kesihatan, PKD, CFLN dan PFB.

| Tahap Kerosakan | Modul PhIS                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | Modul CPS                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
|-----------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Tahap 1</b>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Inpatient Pharmacy</i></li> <li>• <i>Outpatient Pharmacy</i></li> <li>• <i>Order management/ Patient management</i></li> <li>• <i>Ward Pharmacy</i></li> <li>• <i>MTAC</i></li> <li>• <i>Medication counseling</i></li> <li>• <i>Manufacturing of Special Drug</i></li> <li>• <i>Drug information &amp; Consumer education</i></li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Outpatient Pharmacy</i></li> <li>• <i>Order management/ Patient management</i></li> <li>• <i>MTAC</i></li> <li>• <i>Medication counseling</i></li> <li>• <i>Manufacturing of Special Drug</i></li> <li>• <i>Drug information &amp; Consumer education</i></li> </ul> |
| <b>Tahap 2</b>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Pharmacy Inventory</i></li> <li>• <i>Clinical Pharmacokinetics services</i></li> <li>• <i>Adverse Drug Reaction Monitoring</i></li> <li>• <i>PhARM</i></li> </ul>                                                                                                                                                                         | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Pharmacy Inventory</i></li> <li>• <i>Clinical Pharmacokinetics Services</i></li> <li>• <i>Adverse Drug Reaction Monitoring</i></li> <li>• <i>PhARM</i></li> </ul>                                                                                                    |

3.4 Syarat *Service Level Agreement* (SLA) berdasarkan kepada *Appendix 25*:

1. *Initial response time* (IRT) akan bermula daripada masa kerosakan / gangguan yang telah dikenal pasti oleh PLSB (PhIS/CPS *Helpdesk*) dan direkodkan di dalam sistem *connect manage*. PLSB akan memberikan nombor laporan sebagai rujukan pihak fasiliti.
2. Dalam tempoh masa IRT, PhIS/CPS *Helpdesk* hendaklah menghubungi hospital atau klinik kesihatan di mana masalah/isu dilaporkan untuk menetapkan temujanji dengan pengguna PhIS/CPS bagi *On-site Troubleshooting*.
3. Sekiranya masalah/isu tidak dapat diselesaikan dalam tempoh IRT, *Helpdesk* hendaklah menetapkan temujanji dengan pengguna PhIS/CPS bagi *On-site Troubleshooting*.
4. Sekiranya temujanji yang dipersetujui oleh fasiliti berada di luar waktu ORT (berdasarkan jadual SLA), PLSB dianggap memenuhi ORT jika *support team* PLSB hadir sebelum atau pada waktu temujanji. Tempoh PRT akan bermula daripada masa temujanji tersebut.

5. PLSB dianggap memenuhi ORT dan PRT jika ia menyediakan perkhidmatan *remote support* (aplikasi PhIS) ke lokasi dalam tempoh ORT, dan mampu menyelesaikan masalah/isu itu dalam tempoh masa PRT tanpa menghantar kakitangan ke lokasi. Manakala perkhidmatan *remote support* hendaklah mendapat persetujuan dari fasiliti jika ia melibatkan *service downtime (restart server)*, akses ke *server* (melibatkan *problem resolution*). PLSB perlu mengemukakan pembuktian tempoh masa mula dan tamat *remote support* serta masa selesai. Semakan boleh dilakukan oleh user menerusi sistem *Connect Manage*.
6. Perubahan masa maklum balas (IRT) dan masa mula ORT oleh PLSB adalah tertakluk kepada persetujuan dan pengesahan oleh pihak hospital atau klinik kesihatan. *Support team* PLSB dan fasiliti bertanggungjawab untuk membuat pengesahan kehadiran *support team* PLSB dengan mengisi Borang FSR (kes yang hanya melibatkan *on-site*)
7. Isu ralat (*bug*) dalam aplikasi PhIS/CPS akan ditentukan oleh Pasukan Projek PhIS dan CPS di dalam tempoh implementasi. Penalti dikenakan selepas tempoh tersebut.

### 3.5 Pengecualian Penalti bagi SLA PhIS/CPS:

1. Isu yang dikenalpasti sebagai masalah yang berkaitan dengan data PhIS/CPS di fasiliti.
2. Isu yang berkaitan dengan masalah yang disebabkan oleh cara pengendalian sistem yang tidak mengikut tatacara penggunaan sistem oleh pengguna.
3. Isu yang berkaitan dengan proses kerja atau tatacara kerja fasiliti yang tidak mengikuti aliran kerja sistem PhIS/CPS.
4. Kegagalan bekalan kuasa / *Power Surge* akibat peristiwa di bawah sebab-sebab yang tidak dapat dijangka dan / atau di luar kawalan PLSB (*Force Majeure*). (Seperti perang, kekacauan awan, atau rusuhan, mogok, bencana alam, perubahan peraturan kerajaan, kemalangan dan pengendalian yang tidak betul, kerosakan luaran, kecurian, kebakaran, banjir atau kilat)
5. Aktiviti yang tidak mengikut garis panduan (penutupan, gangguan, kegagalan) ke atas perkakasan PhIS & CPS oleh mana-mana pihak selain daripada *support team*/pegawai teknikal PLSB yang diberi kuasa. (Seperti mematikan *server* tanpa memaklumkan pihak PLSB)
6. Pengubahsuaian atau pemasangan perisian yang tidak berkaitan dengan perkakasan PhIS atau CPS. (Naik taraf Internet Explorer 9 ke Internet Explorer 11, aplikasi winzip dan lain-lain)

7. Kegagalan kuasa kerana TNB (Semenanjung Malaysia) atau mana-mana pembekal kuasa lain contohnya Sarawak energy di Sarawak atau Sabah electricity di Sabah/Labuan hasil daripada rancangan / aktiviti yang tidak dirancang.  
(Seperti putus bekalan kuasa, Penyelenggaraan syarikat bekalan kuasa/ pengubahsuaian bangunan dan lain-lain)
8. Kegagalan mana-mana peralatan yang tidak dibekalkan di bawah konsesi MUS seperti GITN *router, facility core switch, use existing (UE) equipment* dan lain-lain.
9. Jika terdapat keadaan di luar kawalan PLSB semasa proses penyelesaian masalah sedang dijalankan, maka tempoh masa gangguan tersebut tidak akan dikira di dalam SLA dan dipanggil sebagai *Exclusion Hour*. (Seperti gangguan bekalan kuasa semasa proses penyelesaian, tiada akses ke server kerana bilik berkunci)

### 3.6 Tuntutan Penalti bagi SLA PhIS/CPS (Untuk rujukan fasiliti).

Berdasarkan terma dan syarat yang telah ditetapkan di dalam SLA, perkhidmatan Helpdesk dan pasukan sokongan PLSB beroperasi 24 jam 7 hari seminggu bagi memastikan sistem PhIS / CPS dapat diakses dan beroperasi di fasiliti. Sehubungan dengan itu, pihak fasiliti bertanggungjawab memastikan pengguna / Pegawai Perhubungan Fasiliti siap siaga memberikan bantuan apabila dihubungi / bertugas bagi membolehkan Helpdesk dan pasukan sokongan PLSB menjalankan tugas mengikut aliran kerja untuk mengenal pasti dan penyelesaian dapat dilaksanakan di dalam dan di luar waktu pejabat.

#### 3.6.1 Tanggungjawab PLSB:

##### 1. Helpdesk PLSB

- i) PLSB bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan Helpdesk dan *Regional Support Center* 24 jam 7 hari seminggu bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan farmasi. Perincian tanggungjawab PLSB adalah seperti di Dokumen *PhIS & CPS Helpdesk and Maintenance Services Version 1.6* (sila rujuk Lampiran 1)
- ii) Memastikan semua aduan yang diterima daripada pengguna direkod ke dalam sistem Helpdesk (*Connect Manage*). Nombor laporan yang dijana melalui Sistem *Connect Manage* hendaklah dimaklumkan kepada pegawai / pegawai perhubungan fasiliti / pengguna bagi tujuan pengesahan dan rujukan.
- iii) Bertanggungjawab menyedia laporan aduan dan tindakan penyelesaian yang lengkap bagi semua aduan pengguna.
- iv) Bertanggungjawab mengemukakan pembuktian / verifikasi (dokumen / maklumat keterangan yang berfungsi sebagai rekod rasmi) ke atas sebarang pertikaian berkenaan aduan yang dibuat oleh pengguna.

- v) Memastikan semua tindakan penyelesaian yang berstatus '*close*' telah disahkan oleh pengguna.
- vi) Memastikan aduan PhIS / CPS yang diterima dapat diselesaikan dalam tempoh (SLA) yang ditetapkan.

## 2. *Support Team* PLSB

- i) *Support team* PLSB bertugas mengikut giliran syif dan bersedia 24 jam 7 hari seminggu.
- ii) *Support team* PLSB yang hadir ke fasiliti akan berjumpa dengan pelapor kes/wakil atau pegawai perhubungan fasiliti bagi pengesahan waktu kehadiran ke fasiliti (*On-site response time*).
- iii) Menyiasat masalah secara *on-site/remote access* dan diagnostik untuk aplikasi PhIS & CPS dan perisian sistem.
- iv) Menyediakan pemeriksaan dan mengenalpasti masalah di lokasi dan diagnostik untuk perkakasan, infrastruktur rangkaian dan telekomunikasi.
- v) Menjalankan kemaskini *patches* dan konfigurasi aplikasi perisian secara *on-site/remote access*.
- vi) Menjalankan *house-keeping*, pemulihan dan pemasangan semula *database* secara *on-site/remote access*.
- vii) Bertanggungjawab mengemukakan Borang FSR kepada pengguna/wakil fasiliti dan memastikan Borang FSR lengkap diisi sebelum mengemukakan salinan kepada fasiliti.

### 3.6.2 Tanggungjawab Fasiliti:

#### 1. Pengguna yang melaporkan kes/Wakil.

- i) Pengguna/Wakil yang melaporkan kes bertanggungjawab sepenuhnya untuk dihubungi di dalam dan di luar waktu pejabat (Sila Rujuk para 3.6) bagi membolehkan *Helpdesk* dan *support team* PLSB untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang dilaporkan berkaitan dengan sistem PhIS/CPS.
- ii) Pegawai / pengguna yang melaporkan / pegawai perhubungan fasiliti di fasiliti perlu memberikan butiran lengkap seperti di bawah :
  - Nama penuh pegawai.
  - Nombor telefon (Nombor yang mudah dihubungi).
  - e-mel.

Ia nya untuk dihubungi oleh *Helpdesk* dan *support team* PLSB di dalam atau di luar waktu pejabat.

iii) Maklumat yang perlu disediakan oleh pelapor:-

Aplikasi PhIS/CPS :

- ID Pengguna.
- Cara penggunaan sehingga terjadi isu
- *Screenshot* yang menunjukkan masalah.
- Butiran terperinci masalah yang dilaporkan seperti nombor PO, nombor *indent*, MRN pesakit dan sebagainya.

Hardware/Software/Network :

- PhIS/CPS *Asset Tagging* (PAT ID).
- Maklumat terperinci kerosakan bagi mengenal pasti masalah (*Troubleshooting*).
- Melampirkan gambar sebagai sokongan (sekiranya diperlukan).

iv) Jika pihak fasiliti tidak dapat memberikan maklum balas yang disenaraikan seperti di atas, tempoh menunggu maklum balas tersebut akan dikira sebagai waktu pengecualian (*Exclusion Hours*) dalam pengiraan penalti SLA.

v) Mengisi maklumat kes yang telah dilaporkan ke dalam Buku Log Isu PhIS /CPS untuk tujuan rekod. Sila rujuk perenggan 3.6.4.

## 2. Pegawai Perhubungan Fasiliti

i) Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas tugas-tugas seperti di bawah :

- Bertanggungjawab sepenuhnya bagi dihubungi di dalam dan di luar waktu pejabat (Rujuk para 3.6)
- Bertanggungjawab sebagai Penyelaras SLA di fasiliti masing-masing.
- Bertanggungjawab ke atas backup (*Hard Disk*) & penyimpanan.
- *Business Continuity Plan* (BCP) di fasiliti.

ii) Bersedia dihubungi di dalam dan di luar waktu pejabat (Rujuk para 3.6) untuk *Remote Access* ke *server* / sistem PhIS/CPS di fasiliti.

iii) Bertanggungjawab untuk memuat turun Laporan Bulanan SLA dan mengesahkan waktu laporan, tempoh pengecualian bersama-sama dengan sebab-sebab dan waktu penyelesaian dalam Laporan Bulanan SLA adalah tepat seperti yang dilaporkan dalam sistem *Connect Manage* dan Borang FSR secara bulanan :

- Tarikh Laporan
- Masa Laporan
- No. Laporan
- Masa IRT
- Masa ORT
- Masa PRT
- Waktu pengecualian (*Exclusion Hours*) dan Sebab-sebab pengecualian tersebut

- iv) Bertanggungjawab menyimpan semua Borang FSR dan borang-borang berkaitan bagi tujuan pengesahan atau pertikaian (jika diperlukan).

Rekod yang harus disimpan adalah :

- Laporan kes yang menjadi pertikaian (*Connect Manage*)
  - *Borang Field Service Report* (FSR) (Lampiran 2)
  - Laporan Bulanan SLA (Lampiran 3)
  - Borang Pengesahan Laporan Bulanan SLA (Lampiran 4)
  - Buku Log Isu PhIS/CPS (perenggan 3.6.4)
- v) Bagi sebarang pertukaran pegawai perhubungan fasiliti di fasiliti hendaklah dimaklumkan kepada pegawai penyelaras negeri bagi tujuan pengemaskinian dalam sistem *Connect Manage* oleh *Helpdesk* PLSB.
- vi) Sebarang pertikaian berkaitan maklumat aduan pada Borang FSR dan Sistem *Connect Manage*, pihak fasiliti hendaklah mengemukakan laporan bertulis Borang Pengesahan Laporan Bulanan SLA kepada Jawatankuasa SLA dan SLG untuk semakan.

### 3. Pegawai Penyelaras PhIS Negeri (JKN)

- i) Menyemak dan menyelaras status penghantaran Laporan Bulanan SLA PhIS/CPS melalui sistem *Connect Manage*.
- ii) Memastikan semua fasiliti di bawah negeri masing-masing telah mengesahkan laporan Bulanan SLA PhIS/CPS.

### 4. Jawatankuasa SLA dan SLG

- i) Untuk mengesahkan dan membuat pengiraan penalti pada Laporan Bulanan SLA
- ii) Pengurusan penalti

### 3.6.3 Mekanisme pemantauan SLA (Sistem *Connect Manage*)

Bagi tujuan pemantauan status kes, *change request*, *bug* dan SLA, pihak PLSB telah menyediakan Sistem *Connect Manage* (CM) bagi sistem PhIS/CPS. Sistem *Connect Manage* (CM) merupakan sistem helpdesk yang digunakan untuk merekod, memantau dan mengurus isu-isu yang dilaporkan oleh pengguna PhIS & CPS. Aplikasi ini dibina berdasarkan penanda aras ITIL (*Information Technology Infrastructure Library*) dengan ketersediaan perkhidmatan 24 jam 7 hari seminggu. Sistem CM membantu pihak Helpdesk PLSB menyalurkan permintaan pengguna PhIS/CPS, aduan dan pertanyaan dari setiap peringkat sokongan (Tahap 1 – Tahap 3) dengan setiap kes boleh di kesan dan menyediakan status berkenaan penyelesaian dan langkah pembetulan yang diambil oleh pihak Helpdesk PLSB.

Bagi setiap kes atau permohonan yang dilaporkan, *Connect Manage* secara automatik akan menjana nombor laporan. Ia kemudiannya akan menyerahkan dan memanjangkan laporan tersebut kepada tahap sokongan masing-masing untuk siasatan lanjut dan resolusi. Aktiviti resolusi dan status laporan akan direkodkan dan ia boleh dikesan dan dilihat oleh pengguna PhIS/CPS. Semua rekod ini boleh ditukar kepada laporan bulanan untuk membantu dalam menganalisis *trend* (pengulangan kejadian / masalah), menilai tahap prestasi dan komitmen SLA.

Bagi pengguna PhIS/CPS di setiap fasiliti, ID log masuk dan kata laluan akan diwujudkan dan diberikan kepada fasiliti sebelum *Go Live declaration* oleh PLSB. Sekiranya pengguna ingin mewujudkan ID baru, bolehlah menghubungi pihak Helpdesk PLSB. Berikut adalah senarai laporan yang terdapat dalam sistem *Connect Manage* untuk kegunaan pengguna PhIS/CPS.

#### i. Laporan Mingguan

- Helpdesk weekly report
- Incident Ticket – Weekly listing report
- Request – Weekly listing report

#### ii. Laporan Bulanan

- Helpdesk monthly report
- Incident Ticket – Monthly listing report
- Request – Monthly listing report
- SLA Monthly Report
- Non SLA Monthly Report
- SLG Monthly Details Report
- SLG Monthly Summary Report
- SLA Verification Report (JKN)

#### iii. AD-HOC

- Helpdesk Report by Category
- Helpdesk Report by Status
- Incident Report by Category
- Asset Management Report (Summary)
- Asset Management Report (Details)

### 3.6.3.1 Laporan Bulanan SLA (Lampiran 3)

Pihak PLSB akan menyediakan Laporan Bulanan SLA dalam sistem *Connect Manage* selewat-lewatnya 7hb setiap bulan. Pihak fasiliti perlu memuat turun Laporan Bulanan SLA bermula daripada 8hb setiap bulan dan membuat pengesahan berkenaan maklumat yang terdapat dalam laporan tersebut. Butiran bagi maklumat yang terdapat di Laporan Bulanan SLA adalah seperti berikut:

| Maklumat              | Butiran                                                                                                       |
|-----------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Report no             | Merujuk kepada No laporan yang akan dijana oleh sistem <i>Connect Manage</i> .                                |
| Location/Unit         | Merujuk kepada lokasi atau unit di fasiliti.                                                                  |
| Category              | Merujuk kepada kategori isu yang dilaporkan samaada <i>Hardware, network, software, application, Database</i> |
| Sub category          | Merujuk kepada pecahan kategori isu yang dilaporkan.                                                          |
| Description           | Merujuk kepada diskripsi masalah yang dilaporkan.                                                             |
| Resolution            | Merujuk kepada kaedah penyelesaian masalah.                                                                   |
| Root cause            | Merujuk kepada punca masalah.                                                                                 |
| Reported date/time    | Merujuk kepada tarikh dan waktu laporan direkodkan di dalam CM.                                               |
| IRT date/time         | Merujuk kepada masa IRT                                                                                       |
| Appointment Date      | Merujuk kepada waktu temujanji yang di persetujui oleh pengguna.                                              |
| ORT date/time         | Merujuk kepada masa ORT                                                                                       |
| PRT date/time         | Merujuk kepada masa PRT (waktu penyelesaian masalah)                                                          |
| Resolved              | Merujuk kepada tarikh dan masa isu diselesaikan.                                                              |
| Total Exclusion hours | Merujuk kepada jumlah keseluruhan waktu pengecualian.                                                         |

### 3.6.4 Mekanisme pemantauan SLA (Buku log isu PhIS/CPS di fasiliti)

Bagi tujuan pemantauan kes di fasiliti PhIS/CPS, pengguna boleh mewujudkan satu buku log yang diisi dengan maklumat setiap permasalahan berkaitan dengan sistem PhIS/CPS. Ia bertujuan agar selain Laporan Bulanan SLA yang dimuat turun dalam sistem *Connect manage*, pengguna mempunyai sumber lain untuk membandingkan maklumat setiap kes PhIS/CPS.

Jumlah buku log di fasiliti adalah tertakluk kepada fasiliti itu sendiri. Sama ada 1 buku log untuk 1 fasiliti atau 1 buku log untuk setiap lokasi di dalam fasiliti.

Format bagi buku log isu PhIS/CPS di fasiliti adalah seperti berikut:

| <b>Maklumat</b>                    | <b>Butiran</b>                                                                                                                               |
|------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Report Number                      | Merujuk kepada nombor laporan yang diberikan oleh Helpdesk sewaktu laporan dibuat.                                                           |
| Reported Date & Time               | Merujuk kepada tarikh dan waktu laporan yang dibuat oleh pegawai atau pengguna yang melaporkan kes.                                          |
| Appointment Date & Time            | Merujuk kepada tarikh dan waktu temujanji (bagi kes <i>onsite</i> ) yang telah dipersetujui oleh pegawai atau pengguna yang melaporkan kes.  |
| Reporter Name                      | Merujuk kepada nama pegawai atau pengguna yang membuat laporan kepada Helpdesk.                                                              |
| Issue                              | Merujuk kepada isu atau masalah yang dilaporkan oleh pegawai atau pengguna kepada Helpdesk.                                                  |
| FSR Number                         | Merujuk kepada nombor Borang <i>Field Service Report</i> (FSR) yang telah dilengkapkan oleh <i>Support Team</i> PLSB yang hadir di fasiliti. |
| Engineer Name, Signature and Stamp | Merujuk kepada nama, tandatangan serta cop <i>Support Team</i> PLSB yang hadir ke fasiliti.                                                  |

3.6.5 Perkhidmatan, petunjuk prestasi dan kaedah tuntutan serta pengiraan penalti bagi masalah ICT dan perkakasan rangkaian.

| Bil | Perkhidmatan                                                | Petunjuk Prestasi Perkhidmatan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | Kaedah tuntutan dan pengiraan penalti                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|-----|-------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | Peralatan ICT dan Peralatan Rangkaian ( <i>Networking</i> ) | <p>A. Setiap kiraan penalti SLA adalah berdasarkan 24 Jam.</p> <p><u>Catatan:</u><br/> <b>Pengesahan ORT –</b></p> <p>Pengguna boleh menyemak waktu kehadiran pegawai teknikal dengan merujuk “<i>Arrival Time</i>” di dalam Borang FSR yang diberikan oleh pegawai teknikal dengan membandingkan “<i>Arrival Time</i>” dalam laporan bulanan.</p> <p><b>Pengesahan PRT –</b></p> <p>Pengguna boleh melakukan semakan PRT dengan menyemak “<i>Time Resolved</i>” di dalam Borang FSR yang diberikan oleh pegawai teknikal dan membandingkan “<i>Resolution Log - Date</i>” dalam sistem <i>Connect Manage</i> sama ada sebelum atau pada masa PRT berakhir.</p> <p><b>Waktu Pengecualian –</b></p> <p>Jika pihak fasiliti tidak dapat memberikan maklum balas yang tersenarai di perenggan 3.6.2, maka tempoh menunggu maklum balas tersebut akan dikira sebagai waktu pengecualian (<i>Exclusion Hours</i>) dalam pengiraan penalti SLA.</p> | <p>1. Kiraan penalti bagi SLA akan dilakukan oleh Jawatankuasa SLA dan SLG.</p> <p>2. Pihak fasiliti perlu mengesahkan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Masa laporan</li> <li>• No. Laporan</li> <li>• Masa IRT</li> <li>• Masa ORT</li> <li>• Masa PRT</li> <li>• Waktu pengecualian (<i>Exclusion hour</i>) dan sebab-sebabnya.</li> </ul> <p>*Fasiliti wajib memastikan maklumat maklumat di atas adalah sama seperti dalam Laporan Bulanan SLA.</p> <p>3. Laporan Bulanan SLA boleh dimuat turun daripada Sistem <i>Connect Manage</i> bermula 7 hari bulan setiap bulan.</p> <p>4. Mengisi Borang Pengesahan Laporan Bulanan SLA.</p> |


3.6.6 Perkhidmatan, petunjuk prestasi dan kaedah tuntutan serta pengiraan penalti bagi masalah Aplikasi PhIS/CPS.

| Bil | Perkhidmatan                 | Petunjuk Prestasi Perkhidmatan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | Kaedah tuntutan dan pengiraan penalti                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
|-----|------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | Aplikasi sistem PhIS dan CPS | <p>A. Setiap kiraan penalti SLA adalah berdasarkan 24 Jam.</p> <p><u>Catatan:</u></p> <p><b>Pengesahan ORT –</b></p> <p>Bagi kes yang tidak memerlukan <i>onsite</i>, PLSB dikira memenuhi ORT sekiranya menyediakan <i>remote support</i> ke fasiliti dalam tempoh ORT. Pengguna boleh menyemak pembuktian status isu di <i>Connect Manage</i>.</p> <p><b>Pengesahan PRT –</b></p> <p>Bagi kes yang tidak memerlukan <i>onsite</i>, PLSB dikira memenuhi PRT sekiranya isu dapat diselesaikan di dalam tempoh PRT. Pengguna boleh menyemak pembuktian status isu di <i>Connect Manage</i>.</p> <p><b>Waktu Pengecualian –</b></p> <p>Jika pihak fasiliti tidak dapat memberikan maklum balas yang tersenarai di perenggan 3.6.2, Maka tempoh menunggu maklum balas tersebut akan dikira sebagai waktu pengecualian (<i>Exclusion Hours</i>) dalam pengiraan penalti SLA.</p> | <p>1. Kiraan penalti bagi SLA akan dilakukan oleh Jawatankuasa SLA dan SLG.</p> <p>2. Pihak fasiliti perlu mengesahkan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Masa laporan</li> <li>• No. Laporan</li> <li>• Masa IRT</li> <li>• Masa ORT</li> <li>• Masa PRT</li> <li>• Waktu pengecualian (<i>Exclusion hour</i>) dan sebab-sebabnya.</li> </ul> <p>*Fasiliti wajib memastikan maklumat di atas adalah sama seperti dalam Laporan Bulanan SLA</p> <p>3. Laporan Bulanan SLA boleh dimuat turun daripada sistem <i>Connect Manage</i> bermula 7 hari bulan setiap bulan.</p> <p>4. Mengisi Borang Pengesahan Laporan Bulanan SLA.</p> |

### 3.6.7 Proses kerja pengesahan tuntutan penalti SLA (Fasiliti dan JKN)

| Bill | Proses kerja                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | Pihak yang Bertanggungjawab |
|------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------|
